

إنما  
يُنْهَا  
اللَّهُ  
مِنْ  
عِبَادَتِهِ  
الْعِلْمُ

Volume 17, No. 3 2020

# JOURNAL OF

# *Islam in Asia*

A Refereed International Biannual Arabic - English Journal

JOURNAL OF  
*Islam in Asia*

Volume 17, No. 3, 2020

ISSN: 1823-0970 E-ISSN: 2289-8077

**SPECIAL ISSUE: FAMILY FIQH ISSUES IN MALAYSIA**

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA



# ***Journal of Islam in Asia***

Special Issue: Family Fiqh Issues in Malaysia 2020

## **EDITOR-in-CHIEF**

Mohammed Farid Ali al-Fijawi

## **ASSOCIATE EDITOR**

Homam Altabaa

## **GUEST EDITORS**

Sayed Sikandar Shah & Mek Wok Mahmud  
(Fiqh & Usul al-Fiqh, KIRKHS, IIUM)

Raudlotul Firdaus Fatah Yasin  
(Qur'an & Sunnah Studies, KIRKHS, IIUM)

## **EDITORIAL ASSISTANT**

Kamel Ouinez

---

## **EDITORIAL ADVISORY BOARD**

---

### **LOCAL MEMBERS**

Abdel Aziz Berghout (IIUM)  
Muhammed Mumtaz Ali (IIUM)  
Nadzrah Ahmad (IIUM)  
Rahmah Bt. A. H. Osman (IIUM)  
Sayed Sikandar Shah (IIUM)  
Saidatolakma Mohd Yunus (IIUM)  
Thameem Ushama (IIUM)

### **INTERNATIONAL MEMBERS**

Abdullah Khalil Al-Juburi (UAE)  
Abu Bakr Rafique (Bangladesh)  
Anis Ahmad (Pakistan)  
Fikret Karcic (Bosnia)  
Muhammad Al-Zuhayli (UAE)  
Zafar Ishaque Ansari (Pakistan)

Articles submitted for publication in the *Journal of Islam in Asia* are subject to a process of peer review, in accordance with the normal academic practice.

♥ 2020 by **International Islamic University Malaysia**

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, translated, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written permission of the publisher.*

# **Isu Nafkah Untuk Ibu Tunggal Dan Anak Yatim Menurut Syarak**

## **Alimony for Single Mother and Orphan from the Sharia Perspective**

Mohammad Dhiya'ul Hafidh bin Fatah Yasin<sup>\*</sup>, and Raudlotul Firdaus binti Fatah Yasin<sup>\*\*</sup>

### **Abstrak**

Balu sering dibeban tanggungjawab mendidik, menafkah dan memberi kasih-sayang kepada anak-anaknya yang berstatus yatim secara bersendirian. Ini adalah isu agama dan kemanusiaan yang perlu diberi perhatian serius. Justeru kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti mekanisme perlindungan ibu tunggal dan anak yatim menurut syariat Islam. Data dikumpul dari sumber pustaka dengan memberi fokus terhadap hukum-hakam berkaitan *nafaqat* yang dianalisis semula secara holistik; iaitu dengan mengaitkannya dengan bab-bab lain seperti *wilayah al-nikah* dan faraid, selain melihat kepada tafsir ayat-ayat berkenaan dan hadis-hadis lain yang menyentuh perihal ibu tunggal dan anak yatim pada zaman Nabi SAW sama ada dalam bentuk instruktif atau diskriptif. Hasil kajian mendapati ibu tunggal yang mengalami situasi tersebut sepatutnya dikecualikan daripada beban nafkah. Nafkah anak-anaknya hendaklah ditanggung oleh walinya atau penerima harta pusaka ayahnya menurut turutan *asabah*. Selain itu, Islam juga menggalakkan masyarakat membantu menjaga golongan ibu tunggal dan anak yatim ini dengan beberapa cara lain.

**Kata Kunci:** Tanggungjawab nafkah, ibu tunggal, anak yatim, wali nikah, pewaris asabah.

---

\* Pensyarah Kanan, Kolej University Islam Perlis (KUIPs), E-mail: dhiya@kuips.edu.my

\*\* Pensyarah Kanan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), E-mail: rawda@iium.edu.my

### Abstract

Widows are often burdened with the responsibility of educating, supporting and giving love to their orphaned children, all by themselves. This is a religion and humanity issue that needs serious attention. Therefore, this study aims to identify the protective mechanism of single mothers and orphans according to Islamic law. Data were collected from library sources with a focus on holistically re-analyzed *nafaqat* laws; that is, by relating it to other laws such as *wilayat al-nikah* and *faraid*, while closely observing the *tafsir* of the Qur'anic verses and hadiths pertaining to the treatment received by single mothers and orphans, either in an instructive or descriptive form. The study found that single mothers who experience the situation should be exempted from the financial burden in raising her orphaned children. The alimony of her orphaned children should be borne by the children' guardian or the heir of their father, according to inheritance law and order. Apart from that, Islam also encourages the community to help take care of these single mothers and orphans in several other ways.

**Keywords:** alimony, single mother, orphan, guardian, inheritance.

### Pengenalan

Konotasi ibu tunggal sering terkait dengan beban menafkah anak-anaknya, sedang ibu tunggal adalah wanita dan Allah SWT telah berfirman bahawa tanggungjawab nafkah yang dikeluarkan oleh lelaki itu lah yang menyebabkan mereka dijadikan pemimpin kepada wanita, di dalam firmanNya,

﴿الرّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا  
أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ...﴾ [النساء: 34]

*Kaum lelaki itu adalah qawwam (pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab) terhadap kaum perempuan; kerana apa yang Allah telah melebihikan mereka (lelaki) atas yang lain (perempuan), dan juga kerana apa yang mereka (lelaki) berikan nafkah daripada dari harta mereka. [al-Qur'an 4:34]*

Diantara kefahaman (mafhum) daripada ayat ini ialah dapat dilihat bahawa sekiranya lelaki tidak menafkahi wanita, hilanglah daripadanya sifat *qawwam* tersebut. Dalam institusi berkeluarga, adalah

perkara yang *ma'ruf* suami dan ayah menjadi ketua keluarga yang menafkahinya. Walaupun telah berlaku perceraian antara suami dan isteri dalam pasangan tersebut, lelaki tersebut tetap dipertanggungjawabkan untuk menafkahi anak walaupun tiada dalam jagaannya.

Namun persoalan timbul, bagaimana sekiranya lelaki tersebut meninggal dunia, seraya meninggalkan balu dan anak yatim, adakah balu tersebut yang perlu menafkahi anaknya? Persoalan ini juga berkait dengan sama ada sifat *qawwam* pada lelaki tersebut kembali kepada jantina lelaki secara umum atau individu lelaki secara khusus? Jika kembali kepada umum, ini bererti apabila seorang lelaki meninggal dunia dengan meninggalkan balu dan anak yatim, tanggungjawab menafkahi anak tersebut tidak sewajarnya jatuh kepada ibu tersebut.

Namun fenomena yang berlaku ialah wanita tersebut yang terpaksa menafkah anaknya, sehingga timbul istilah ibu tunggal. Adakah ia fenomena lumrah atau masalah dalam masyarakat? Adakah syariat Islam mempunyai garis panduan tentang ini? Artikel ini bertujuan untuk mengkaji permasalahan ini dengan lebih mendalam menurut perspektif syariat Islam.

### Tadabbur Wahyu Pertama Tentang Pengabaian Anak Yatim dan Ibu Tunggal

Allah SWT berfirman,

﴿فَإِنَّمَا الْإِنْسَانُ إِذَا مَا ابْتَلَاهُ رَبُّهُ فَأَكْرَمَهُ وَعَمِّهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَكْرَمَنِ﴾ (15)

وَأَمَّا إِذَا مَا ابْتَلَاهُ فَقَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَهَانَنِ (16) كَلَّا بَلْ لَا

ثُكْرِمُونَ الْيَتَيْمَ (17) وَلَا تَحَاضُّونَ عَلَى طَعَامِ الْمِسْكِينِ (18) وَتَأْكُلُونَ

الثُّرَاثَ أَكْلًا لَمَّا (19) وَتُحْبِّونَ الْمَالَ حَبًّا حَمَّا ﴿الفجر : 20-15﴾

Adapun insan itu apabila Tuhananya mengujinya dengan memberi nikmat padanya, dia akan berkata, "Tuhanku muliakan aku." (15) Namun apabila Dia mengujinya dengan menyempitkan rezekinya, maka dia akan berkata pula, "Tuhanku menghinaku." (16) Sekali-kali tidak.

*Sebaliknya (Dia menjadikan kamu hina apabila) kamu tidak memuliakan anak yatim. (17) Dan kamu tidak menggalakkan memberi makan orang miskin. (18) Dan kamu makan harta pusaka secara rakus. (19) Serta kamu pula sayangkan harta secara teramat sangat. (20) [al-Qur'an, 89:15-20]*

Ayat-ayat di atas, memberitahu adanya salah faham sebahagian manusia terhadap hakikat nikmat dan kesusahan, kemuliaan dan kehinaan yang menimpa manusia natijah perbuatan dan tindakannya sendiri. Ramai manusia yang menganggap dirinya dimuliakan Allah SWT apabila dia dikurnia nikmat dunia yang banyak, sebagaimana ramai yang menyangka dia dihina Allah SWT jika dia disempitkan rezekinya. Namun Allah SWT menempelak dengan menyatakan bahawa manusia itu dihina Allah SWT apabila dia:

1. Tidak peduli kepada anak yatim;
2. Tidak peduli kepada miskin;
3. Haloba dalam bab harta pusaka;
4. Keterlaluan dalam mencintai dunia.

Apa yang menarik ialah empat perkara ini boleh dielaborasi seperti berikut: **Pertama:** Sebelum seseorang itu ambil peduli tentang anak yatim yang tiada hubungan darah dengannya, hendaklah seseorang itu peduli dengan anak yatim yang ada hubungan darah dengannya. Bahkan, ramai orang yang mempunyai anak yatim yang sebenarnya merupakan tanggungjawabnya (seperti yang akan dibincang dalam artikel ini) tetapi tidak peduli kepadanya. Inilah kemuncak kehinaan.

**Kedua:** Apabila seseorang itu tidak peduli kepada anak yatim yang sebenarnya wajib dinafkahinya, nescaya dia juga tidak peduli kepada orang miskin. Seburuk-buruk orang miskin yang tidak dipedulinya ialah yang sebenarnya merupakan tanggungjawabnya. Seringkali ibu tunggal termasuk dalam kategori miskin yang tidak dipeduli. Semoga ini termasuk dalam kemunasabahan tidak peduli kepada anak yatim didahuluikan berbanding kepada orang miskin.

**Ketiga:** Walaupun ketidak pedulian terhadap anak yatim dan ibunya ini satu perbuatan tercela, ia masih mempunyai tingkatannya;

iaitu anak yatim dan ibunya yang seseorang itu telah berkongsi harta pusaka mereka, dan yang tidak. Seseorang yang berada dalam kategori pertama lebih hina daripada yang kedua.

**Keempat:** Punca seseorang itu tidak melakukan perkara di atas boleh dibahagikan kepada dua, iaitu kerana jahil, atau tidak mahu. Jika jahil, semoga dia masih boleh dimaaf. Tetapi jika kerana tidak mahu, maka itulah yang dihina. Punca seseorang itu tidak mahu, tidak lain ialah kerana dia keterlaluan dalam mencintai dunia.

Dari sudut yang lain, Surah al-Fajr ialah antara surah terawal yang turun dalam al-Qur'an. Jabir bin Zaid (murid Ibn Abbas RA) mengatakan ia adalah surah yang kesepuluh turun daripada al-Qur'an. (al-Suyuthi 1974, 96). Maka apabila ayat-ayat yang dibincangkan di atas berada dalam surah tersebut, maka ia adalah antara isu terawal yang perlu diberi penekanan dalam Islam. Bahkan lebih awal daripada isu puasa yang hanya diwajibkan pada tahun kedua Hijrah mahupun haji yang diwajibkan pada tahun kesembilan hijrah. Surah al-Fajr juga diturunkan di Mekah. Maka ia tergolong dalam surah-surah Makkiyyah yang perbahasannya berkait soal akidah atau akhlak, atau kedua-duanya sekali.

### Definisi Anak Yatim

Dalam bahasa Arab, *yatim* (يَتِيمٌ) dan kata asalnya *yutm* (يُتْمِمُ) bermaksud tunggal atau bersendirian. Dalam penggunaan umum, perkataan *yatim* untuk manusia digunakan untuk ‘anak yang kehilangan ayah’, manakala bagi haiwan ianya digunakan untuk membawa maksud ‘anak yang kehilangan ibu’. *Yatman* (يَتَمَانٌ) pula ialah kanak-kanak yang belum mencapai usia baligh. *Yatm* (يَتْمَمُ) pula bermaksud kesedihan. (al-Fairuz Abadi 2005, 1172; Ibn Manzur 1986, 12/645).

Ibn Manzur turut menambah, bagi anak ‘manusia’ yang kematian ibu, ia disebut sebagai *al-'ajiy* (الْعَجِيْ) dan yang kematian kedua-dua ibupanya, ia disebut sebagai *al-latim* (اللَّطِيْمُ).

Namun *al-'ajiy* itu sendiri asalnya bermaksud yang cacat. Justeru anak kematian ibu dinamakan sebagai *al-'ajiy* kerana dia tidak sempurna tidak mendapat susu ibunya dan terpaksa meminta-minta daripada yang lain. (Ibn Manzur 1986, 15/29). Manakala asal *al-latim* pula daripada *latama* (لطمة) bermaksud menampar muka atau anggota tubuh lain dengan tapak tangan. (Ibn Manzur 1986, 12/542).

Dalam Dewan Bahasa dan Pustaka pula, anak yang kematian bapa sahaja yang secara rasmi disebut dalam kamus sebagai yatim. Tidak pula disebut tentang anak yang kematian ibu sahaja. Adapun anak yang kematian kedua-dua ibubapanya disebut sebagai yatim piatu. Namun, piatu secara bersendiri pula mempunyai maksud yang kedua, iaitu orang dagang / perantau yang tidak mempunyai saudara mara.

Daripada makna-makna ini dapat disimpulkan, bahawa makna anak yatim ialah ‘anak yang kehilangan tempat bergantung sayugia berada dalam situasi yang teramat menyedihkan dan layak digelar cacat / kurang sempurna, malang, hidup dengan kesedihan dan derita (batin), sayugia memerlukan belas dan perhatian orang lain’.

Adapun yatim makna dari segi syarak, Kementerian Wakaf Kuwait (2006) telah menyebut definisi yatim sebagai “anak yang kematian ayahnya sebelum sampai usia baligh”, berdasarkan hadis,

«لَا يُتَّمَّ بَعْدَ احْتِلَامٍ» [أبو داود، كتاب الوصايا، باب متى ينقطع

اليتم؟، حديث 2873، عن علي بن أبي طالب، وحسنه التوسي]

Tiada (status) yatim selepas mimpi (baligh). (HR Abu Daud, no. 2873, dihasangkan oleh al-Nawawi)

Dapat dilihat bahawa perbezaan pada definisi bahasa dan syarak ialah pada status sebelum usia baligh dimana definisi bahasa tidak menetapkan yang sedemikian, berbeza dengan definisi syarak.

Namun, mimpi menjadi baligh tersebut adalah perkara sulit yang tidak menjadi kelaziman untuk ditanyakan. Sebahagian orang juga tidak mengalami sama sekali mimpi tersebut. Oleh itu para ulama’ menggariskan kadar had umur untuk baligh sebagai rujukan umum

apabila keadaan memerlukan untuk mengenal pasti sama ada seseorang anak itu sudah mencapai usia baligh atau belum. Antara pendapat utama yang digunakan dalam masyarakat ialah:

1. Di sisi Syafi'iyyah, Hanabilah, Abu Yusuf dan Muhammad dari kalangan Hanafiyah (serta menjadi pegangan mazhab), usia tersebut ialah 15 tahun, berhujahkan hadis Ibn Umar RA yang tidak dibenar menyertai perang Uhud, tetapi boleh untuk Khandaq.
2. Di sisi Malikiyyah dan Abu Hanifah (tetapi tidak menjadi pegangan mazhabnya), usia tersebut ialah 18 tahun. Pendapat ini merujuk kepada Ibnu Abbas RA di samping untuk lebih bertolak ansur agar anak yatim berpeluang dilindungi dengan status tersebut sehingga usia 18 tahun, berbanding hanya 15 tahun.

Adapun di Malaysia, kerajaan telah menetapkan umur 18 sebagai had umur kanak-kanak secara umum yang diambil dari had umur yang ditetapkan oleh World Health Organisation (WHO). Ketetapan umur ini seterusnya akan berkait dengan tanggungjawab perlindungan, hak berkahwin, kewajipan nafkah, kebebasan, urusan mahkamah, akaun bank dan sebagainya. Jika dilihat dari sudut fiqh, maka pendapat ini ialah berdasarkan Mazhab Maliki, dan bukan Mazhab Syafi'e yang sinonim sebagai pegangan mazhab fiqh masyarakat Melayu.

Terdapat justifikasi kenapa syarak tidak menamakan anak yang kehilangan ibu tapi masih mempunyai ayah sebagai anak yatim, iaitu kerana kehilangan hadhanah (penjagaan) ibu tidak menjadikan anak tersebut anak yatim dari segi syara', dan ia juga di luar skop kajian ini yang hanya memfokuskan bab nafkah mereka.

Dalam berinteraksi dengan anak yatim, Allah SWT mengingatkan,

﴿فَإِمَّا الْيَتَمَّ فَلَا تُقْهِرْ﴾ [الضحى: 9]

*Adapun anak yatim, maka janganlah kau paksakan  
(melakukan sewenangmu pada meraka). [al-Dhuha: 9].*

Perkataan *taqhar* di dalam ayat ini bermaksud larangan menghukum anak yatim dengan ketidakadilan, tuntutan membayar dan melaksanakan segala haknya (Al-Qurtubi ed. 2003, 20/101). Ayat ini yang termaktub dalam Surah al-Dhuha yang merupakan antara surah kesebelas turun daripada al-Qur'an, iaitu selepas al-Fajr (al-Suyuthi 1974, 96) boleh dikatakan sebagai induk kepada arahan-arahan lain yang turun kemudian di dalam al-Qur'an (kecuali al-Fajr yang turun sebelum al-Dhuha) seperti:

1. Larangan menzalimi harta warisan anak yatim (al-Nisa': 2 dan 10; al-'An'am :152 dan al-Isra': 24);
2. Larangan menikahi atau mengongkong anak yatim untuk tujuan menzalimi mereka seperti mengambil harta pusaka mereka sewenang-wenangnya (al-Nisa': 4);
3. Menggambarkan orang yang tidak menghormati anak yatim adalah antara sifat orang-orang yang dihina Allah (al-Fajr: 17), atau orang kafir dan munafik (al-Ma'un: 2);
4. Anjuran melayan mereka dengan baik (al-Baqarah: 220);
5. Anjuran berinfak (selain zakat) untuk mereka (al-Baqarah: 177 dan 215; al-Nisa': 8 dan 36; al-Anfal: 41; serta al-Hashr: 7); dan lain-lain.

### **Definisi Ibu Tunggal**

Istilah ibu tunggal boleh dikatakan suatu istilah moden yang baru dikenalkan. Walaupun norma perbincangan hukum hakam Islam menuntut istilah itu dicari asalnya dalam bahasa Arab untuk mendapatkan usulnya dari Qur'an mahupun hadis, namun istilah tunggal yang tepat untuk ibu tunggal tidak dapat ditemukan. Sebahagian pengkaji mutakhir kini seperti Nurhidayah dan Zuliza (2016) memilih istilah *armalah* (أرملة) untuk ibu tunggal dimana ianya sinonim dengan penggunaan hadis,

«السَّاعِي عَلَى الْأَرْمَلَةِ وَالْمُسْكِنِ، كَالْمُحَاذِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ»

[البخاري، كتاب النفقات، باب فضل النفقة على الأهل، حديث]

5353، مسلم، كتاب الزهد والرقاء، باب الإحسان إلى الأرمدة  
والمسكين واليتييم، حديث 2942، كلامها عن أبي هريرة

Orang yang bersegera membantu armalah dan orang miskin, seperti orang yang berjihad di jalan Allah. (HR al-Bukhari, no. 5353)

Namun istilah *armalah* tidak membawa maksud yang tepat kerana maksud asal *armalah* dalam Bahasa Arab secara literalnya ialah “lelaki dan wanita yang miskin, memerlukan dan lemah” (al-Fairuz Abadi 2005, 1008), walaupun dari segi penggunaan ia lebih untuk wanita yang tidak berkahwin, balu, janda atau dara. *Armal* (أَرْمَل) juga diguna untuk lelaki dalam situasi serupa. (Al-Razi 1999, 129).

Memandangkan konotasi ibu tunggal lebih sinonim dengan tanggungjawab berdasarkan fitrah manusia untuk survival kehidupan, perlunya ada usaha dan ikhtiar untuk hidup; serta ikhtiar untuk membesarakan anak-anaknya yang menjadi fokus kertas kerja ini, maka pengkaji berpendapat ia patut dikaitkan dengan istilah kedua iaitu كافلة

البيتيم (*kafilah al-yatim*) yang seiring dengan *kafil al-yatim* jika penanggung itu lelaki, sepertimana disebutkan dalam hadis Sahl bin Sa'd yang meriwayatkan,

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «وَأَنَا وَكَافِلُ الْيَتَيْمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا» وَقَالَ بِإِصْبَعِيهِ السَّبَّابَةِ وَالْوُسْطَى [البخاري، كتاب الأدب،

باب فضل من يعول يتيمًا، حديث 6005]

Rasulullah SAW bersabda, “Aku dan penjaga anak yatim di syurga seperti ini.” Sa'd berkata: (Sambil menunjukkan) dengan dua jarinya, jari telunjuk dan tengah. (HR al-Bukhari, no. 6005)

Penggunaan berdasarkan hadis sahih ini memartabatkan seorang penjaga anak yatim ke martabat yang tinggi sehingga ganjarannya sangat besar di syurga kelak dan ditempatkan di tempat yang begitu hampir dengan Baginda SAW, selain tangannya di atas; tidak seperti istilah *armalah* yang lebih meletakkan wanita tersebut di tempat orang yang tangannya di bawah. Rasulullah SAW bersabda,

«الْيَدُ الْعُلِيَا خَيْرٌ مِّنَ الْيَدِ السُّفْلَى، فَالْيَدُ الْعُلِيَا: هِيَ الْمُنْفِقَةُ، وَالسُّفْلَى: هِيَ السَّائِلَةُ» [البخاري، كتاب الزكاة، باب لا صدقة إلا عن ظهر غني، حديث 1429؛ مسلم، كتاب الزكاة، باب بيان أن اليد العليا خير من اليد السفلية، وأن اليد العليا هي المتفقة وأن السفلية هي الآخذة، حديث 1033؛ كلاماً عن عبد الله بن عمر]

Tangan di atas lebih baik daripada tangan di bawah. Tangan yang di atas ialah yang memberi belanja dan tangan yang di bawah yang meminta. [al-Bukhari: 1429; Muslim: 1033]

Memandangkan tiada kata tunggal dalam Bahasa Arab untuk istilah ibu tunggal, maka tiada nas yang dapat dijadikan sandaran utama atau induk kepada perumpamaan ini.

Bahkan dalam kamus moden seperti almaany.com, translate.google.com, Arabic<->English Dictionaries terbitan Dar El Ilm Lilmalayin, al-Mawrid dan lain-lain, tidak dapat ditemui dalam Bahasa Arab istilah tunggal atau secara tepatnya untuk “ibu tunggal” atau single mother. Ini menunjukkan dua kemungkinan iaitu sama ada dalam masyarakat Arab moden masakini, golongan ini masih mendapat perlindungan wali dan waris sewajarnya, atau kedua: sangat terabai. Bagaimanapun kemungkinan pertama adalah lebih ketara.

Di Malaysia, Dewan Bahasa (2010) mendefinisikan ibu tunggal sebagai “wanita bergelar ibu yg membesar serta mendidik anaknya seorang diri tanpa kehadiran suami kerana perceraian, kematian dsb.” Dari segi teknikal pula, definisi rasmi yang terkini diguna pakai

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sejak 3 Jun 2015 ialah wanita yang memiliki salah satu daripada tiga kriteria berikut:

1. Wanita yang bercerai dan mempunyai anak,
2. Wanita yang masih bersuami tetapi suami ditimpa penyakit teruk sehingga wanita tersebut terpaksa menanggung keluarga, dan
3. Wanita yang belum berkahwin tetapi mempunyai anak angkat atau anak tidak sah taraf. (Rem Ramzi, 2015).

Inilah definisi terkini yang digunakan. Bagaimanapun, definisi ini didapati masih perlu diperbaiki. Ini kerana telah tercicir padanya sebutan satu elemen penting, iaitu **wanita yang kematian suami yang lebih terabai sayugia menjadi fokus kajian ini**. Dari sudut yang lain, keciran ini sebenarnya dalam masa yang sama menguatkan kenyataan yang telah disebut di atas, iaitu wanita-wanita yang menjadi ibu tunggal kerana kematian suami, tidak mendapat perhatian seperti wanita yang dicerai.

Ia juga dalam masa yang sama menggambarkan kepentingan kajian seumpama ini, yang memberi lebih fokus kepada golongan tersebut. Jika ibu tunggal yang dicerai mempunyai peruntukan undang-undang untuk mendapatkan nafkah anak-anak daripada bekas suami yang juga ayah anak-anak tersebut, dan anak-anak ini juga tidak menjadi anak yatim; maka ibu tunggal yang kematian suami belum mendapat peruntukan undang-undang yang sewajarnya, dan sayugia terpaksa pula menanggung membesar anak yatim dalam keadaan yang lebih sukar. Hanya satu sudut yang boleh dianggap lebih ialah ibu tunggal kerana kematian akan menerima sebahagian harta pusaka, untuk dia dan anak-anaknya.

### **Tanggungjawab Menafkahi Anak Yatim**

Allah SWT berfirman,

﴿وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكَسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا  
وُسْعَهَا...﴾ [البقرة: 233]

*Atas setiap anak rezeki dan pakaian dengan baik. Tidaklah Allah membebankan seseorang melainkan berdasarkan kemampuannya. [al-Qur'an 2:233]*

Ayat di atas mempunyai dua bahagian. Bahagian pertama jelas. Namun untuk bahagian kedua, di situ terdapat dua pengertian:

1. Rezeki anak tersebut Allah SWT yang salurkan. Maka ia bukan beban kepada penafkah
2. Jika penafkah utama tidak mampu, Allah SWT telah mensyariatkan siapa penanggungjawab bersamanya, atau berikutnya.

Justeru di sini berlaku perbahasan tentang siapakan yang memikul tanggungjawab menafkahi seorang anak, yang termasuk bersamanya anak yatim.

Kementerian Wakaf Kuwait (2006) menyenarai pihak-pihak yang bertanggungjawab menafkah seorang anak menurut pendapat mazhab adalah seperti berikut:

1. Hanafiah: Semua lelaki yang menjadi mahram. Adapun yang bukan mahram seperti sepupu, maka tidak, walaupun dia merupakan ahli asabah.
2. Malikiyyah: Ayah dan anak yang secara langsung sahaja.
3. Syafi'iyyah: Ayah, ayah kepada ayah dan ke atas; serta anak lelaki, cucu lelaki daripada anak lelaki dan seterusnya.
4. Hanabilah: Seperti Syafi'iyyah dengan tambahan semua lelaki yang mewarisinya dengan bahagian faraid atau asabah.

Daripada perbezaan pandangan empat mazhab di atas, dapat dilihat bahawa hanya Mazhab Hanbali yang secara khusus menyebut tentang waris lelaki secara *asabah* turut bertanggungjawab untuk menafkah anak yatim. Walaupun ia tidak disebut oleh mazhab lain secara jelas, namun ia menarik dari sudut kewajaran dan moralnya iaitu apabila seseorang itu menerima sesuatu, maka dia wajib membaliasnya. Di sinilah

tampak kewajaran kenapa apabila pewaris asabah itu terdiri daripada satu kumpulan, lelaki dan perempuan, maka seorang lelaki akan mendapat bahagian seperti dua perempuan seperti dalam firman Allah SWT,

﴿يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ...﴾ [النساء: 11]

*Allah mewasiatkan kamu pada anak-anak kamu: untuk satu lelaki seperti bahagian dua perempuan... [al-Qur'an 3:11]*

﴿وَلَكُمْ نِصْفٌ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمُ الرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْنَ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِينَ بِهَا أَوْ دِينٍ وَلَهُنَّ الرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْتُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الشُّمُنُ مِمَّا تَرَكْتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ ثُوَصُونَ بِهَا أَوْ دِينٍ...﴾ [النساء: 12]

*Dan bagi kamu 1/2 dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh 1/4 dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula 1/4 dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah 1/8 dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu. [al-Qur'an 4:12]*

Dari sudut lain, terdapat juga perbezaan dalam ulama' tentang apakah syarat yang mewajibkan seorang anak itu dinafkahi seperti berikut:

1. Hanafi:

- a. Miskin
- b. Belum baligh, kecuali:
  - i. Anak tersebut lelaki atau wanita menjadi penuntut ilmu sepenuh masa
  - ii. Anak perempuan sehingga berkahwin
- c. Merdeka
- 2. Maliki:
  - a. Miskin
  - b. Belum baligh, berakal atau mampu mencari pekerjaan (seperti akibat kurang upaya mental atau fizikal dan sebagainya)
  - c. Merdeka
  - d. Ekonomi penafkah kukuh.
- 3. Syafie: seperti Maliki tanpa syarat ekonomi kukuh.
- 4. Hanbali: Seperti Syafie tanpa syarat belum baligh. (al-Jazairi 2011, 4/462-464)

### **Tanggungjawab Menafkahi Ibu Tunggal**

Tanggungjawab ini jatuh kepada wali nikah. Wali berasal dari kata nama wilayah yang juga bermaksud al-nusrah (pertolongan) dan al-mahabbah (sayang). Dari segi istilah ia bermaksud “sebahagian pihak mendirikan hak yang lain.” Dalam syariat Islam, wanita yang tidak bersuami berada di bawah tanggungjawab wali nikahnya. Tanggungjawab wali nikah tidak hanya terhad dalam keterlibatan semasa dalam upacara akad nikah sahaja. Sebaliknya ia melibatkan tanggungjawab didikan, nafkah dan usaha mencarikan calon suami yang soleh sehingga wanita tersebut bernikah, dan turut sama membantu memberi nasihat dalam aspek-aspek kekeluargaan yang dapat membantu kelancaran dan keharmonian hidup berumah tangga. (Kementerian Wakaf Kuwait 2006, 45/245-259).

Akad nikah turut bermaksud seorang wali menyerahkan tanggungjawab anak gadis jagaannya kepada suami. Sekiranya pernikahan tersebut kemudiannya tidak kekal kerana kematian atau perceraian, maka wanita itu akan kembali menjadi tanggungan wali nikahnya. Ini jelas dimana Nabi SAW mengambil alih semula

tanggungjawab menjaga anak-anak permpuannya yang menjadi balu iaitu Zainab, Ruqayyah dan Ummu Kalthum akibat kematian suami masing-masing di medan jihad. Begitu juga dengan Umar bin al-Khattab terhadap anaknya Hafsah apabila suami Hafsah iaitu Rasulullah SAW wafat.

Dalam situasi lain, apabila Fatimah binti Qais menjanda dan tidak mempunyai tempat tinggal, Nabi SAW menempatkannya di rumah Ibn Ummi Maktum sehingga dia bernikah dengan Usamah bin Zaid (Muslim, hadis no 1480). Fatimah ditempatkan di sana kerana beliau tidak mempunyai wali lain selain wali hakim. Wali hakim di masa dan tempat tersebut ialah Rasulullah SAW. Baginda pula tidak mempunyai tempat perlindungan khas untuk wanita bujang pada waktu tersebut. Maka baginda mencari tempat yang paling sesuai, iaitu di rumah seorang lelaki buta dan tua, iaitu Abdullah bin Ummi Maktum.

Di sini dapat kita lihat, bahawa bapa sebagai wali pertama dan pemerintah adalah wali yang terakhir; yang bertanggungjawab menjaga wanita yang ketiadaan suami. Maka, wali kedua utama sehingga berikutnya juga wajar diqiyaskan dengan pemikulan tanggungjawab yang sama.

Apabila difokuskan kepada permasalahan ibu tunggal, ternyata tanggungjawab menjaga nafkah ibu tunggal jatuh ke atas walinya, dan bukan atas bahunya sendiri. Seorang ibu tunggal perlu dilindungi dan diberi nafkah pada situasi di mana wanita tersebut miskin dan walinya pula ada kemampuan harta. Jika wanita tersebut kaya, meskipun statusnya sebagai ibu tunggal, maka tidak wajib lagi bagi para wali menafkahinya ketika itu. (Ibn Qudamah 1968, 8/169).

Susunan wali nikah dalam urutan fiqh sebenarnya menjadi rujukan untuk susun atur turutan wali yang bakal bertanggungjawab kepada perempuan yang menjadi ibu tunggal. Sekiranya suaminya meninggal, orang pertama yang bertanggungjawab menafkahinya ialah bapanya. Sekiranya bapanya telah meninggal ataupun tidak mampu, maka jatuh tanggungjawab tersebut ke atas datuknya.

Adapun susunan wali nikah mengikut turutan keutamaan yang digunakan oleh pihak berkuasa seperti Jabatan-jabatan Agama Islam dan Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia ialah:

1. Bapa kandung
2. Datuk sebelah bapa ke atas
3. Saudara lelaki seibu sebapa
4. Saudara lelaki sebapa
5. Anak saudara lelaki seibu sebapa
6. Anak saudara lelaki sebapa
7. Anak lelaki kepada anak saudara lelaki seibu sebapa
8. Anak lelaki kepada anak saudara lelaki sebapa
9. Bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa
10. Bapa saudara sebelah bapa sebapa
11. Datuk saudara sebelah bapa seibu sebapa dengan datuknya
12. Datuk daudara sebelah bapa sebapa dengan datuknya
13. Moyang saudara sebelah bapa seibu sebapa dengan moyangnya
14. Moyang saudara sebelah bapa sebapa dengan moyangnya
15. Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa (sepupu lelaki)
16. Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa sebapa (sepupu lelaki)
17. Cucu lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa
18. Anak datuk saudara sebelah bapa seibu sebapa dengan datuknya
19. Anak datuk saudara sebelah bapa sebapa dengan datuknya
20. Wali Hakim/Wali Raja/Wali Sultan. (JAIS, n.d.)

Dalam isu nafkah ibu tunggal dan anak yatim, susunan ini akan diambil kira untuk menentukan siapakah yang paling afdhal dan awla dalam menafkahinya. Dimulai dengan bapa kandungnya sendiri jika mampu, sehinggalah ke datuknya dan saudara-mara lelaki yang lain. Sekiranya tiada sama sekali saudara yang mampu menanggung wanita tersebut, tanggungjawab tersebut akan kembali kepada Wali hakim iaitu pemerintah yang memegang autoriti kuasa dan harta Negara.

### Ulil Amr

Di Malaysia, ulil amr melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sejak 2016 memperuntuk bantuan kepada keluarga ibu tunggal bernilai RM100 sebulan untuk seorang anak berusia 18 tahun ke bawah dengan jumlah maksimum RM450 sebulan untuk lebih daripada empat orang anak. Namun, jika anak tersebut dijaga di rumah kebajikan atau keluarga angkat, bantuan diberi bernilai RM250 seorang dengan maksimum RM500 untuk dua anak dan ke atas. Bantuan ini dinamakan Bantuan Kanak-Kanak atau BKK. (JKM, n.d.). Selain itu, terdapat juga bantuan daripada pihak negeri, terutama Majlis Agama Islam, tetapi masing-masing dengan kadar sendiri. (Amin Don, 2017).

Namun, kerajaan sebenarnya tidak mempunyai dasar khusus kepada anak yatim. Sebaliknya, mereka digolongkan dalam kelompok kanak-kanak yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001 dimana semua yang berusia 18 tahun ke bawah tertakluk kepada akta ini dimana syarat untuk menerima BKK ialah:

1. Berumur 18 tahun ke bawah;
2. Berumur persekolahan dan perlu meneruskan persekolahan;
3. Yatim/ yatim piatu atau mempunyai ibubapa / penjaga yang tidak berkemampuan atau putus mata pencarian kerana uzur, cacat, berpenyakit atau tanggungan banduan atau pusat tahanan.

Di sini jelas kelihatan bahawa status anak yatim sahaja tidak melayukkan seseorang itu mendapatkan bantuan. Ini kerana boleh jadi penjaganya kaya, atau dia sendiri kaya kerana mendapat harta warisan yang banyak. Dalam situasi ini, mereka yang mempunyai kedua-dua ibu bapa tetapi miskin lebih memerlukan. Jika dilihat dari sudut syariat, anak yatim memang tidak tergolong dalam lapan asnaf yang layak menerima zakat dimana asnaf tersebut disebut dalam firman Allah,

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ قُلُوبُهُمْ﴾

﴿وَفِي الرِّقَابِ وَالْعَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ﴾ [التوبه: 60]

*Adapun sadaqah (zakat) itu untuk orang fakir, miskin, amil zakat, yang hendak dilembutkan hati, dalam perhambaan, tenggelam dalam hutang dan di jalan Allah. [al-Taubah: 60]*

Namun demikian, mereka masih boleh menerima sedekah umum bahkan dianjur untuk diberi seperti dalam firman Allah pada ayat 177, 220 dan 215 Surah al-Baqarah serta ayat 8 dan 36 Surah al-Nisa'. Ini termasuk harta negara seperti ghanimah seperti dalam ayat 41 Surah al-Anfal dan al-fai' dalam ayat 7 dari Surah al-Hasyr.

### **Kafalah al-Yatim oleh Pihak Ketiga**

Merujuk kepada hadis "Aku dan penjaga anak yatim" yang disebut di atas, maka Ibn al-Athir (1979) menjelaskannya *al-kafil* sebagai "orang yang menguruskan hal ehwal anak yatim, dan mendidiknya." Dapat dilihat di sini, *kafalah al-yatim* yang sempurna melibatkan pendidikan sebagai tambahan kepada nafkah.

Pada masa kini, akronim ini sinonim dengan rumah anak-anak yatim. Namun, pada zaman Nabi SAW, institusi sedemikian masih belum wujud. Maka, akronim *kafil al-yatim*, selain diberi kepada yang memberi sedekah am, adalah lebih terjurus kepada orang yang berkahwin dengan keluarga yang mempunyai anak yatim, sama ada dengan si ibu atau salah seorang anak perempuan keluarga tersebut. Bahkan jika dilihat ayat poligami iaitu,

﴿وَإِنْ حِفْتُمْ أَلَا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَإِنْ كِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ  
مَشْيٌ وَثُلَاثَ وَرُبْعَ فَإِنْ حِفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ  
أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْهَى أَلَا تَعُولُوا﴾ [النساء: 3]

*Jika kamu bimbang tidak dapat berlaku adil kepada anak-anak yatim, maka nikahilah yang baik bagi kamu, dua, tiga atau empat. Tetapi jika kamu bimbang tidak berlaku adil, maka cukuplah satu, atau dari kalangan hambamu.*

*Demikian itu lebih hampir untuk kamu tidak melampaui  
batas. [al-Nisa': 3]*

Maka tampak dengan jelas bahawa objektif utama poligami ialah untuk membantu mengatasi derita anak yatim, dimana derita tersebut bukan semata dari segi harta, sebaliknya juga dari segi emosi, yang mana pernikahan yang baik dapat membantu meringankan derita tersebut.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2016) telah menyentuh risiko yang dihadapi oleh anak yatim yang terabai dengan menyebut,

Antara faktor-faktor asas yang boleh menyelewengkan kanak-kanak adalah ujian kepada anak yatim pada awal umurnya yang telah kematian bapanya yang menyebabkan tiada: (1) Tangan yang lembut yang mengasuhnya; (2) Hati yang pengasih yang memeliharanya; (3) Penjaga yang diwasiatkan (wasi) yang berhubungan baik dengannya yang berlemah lembut dengannya; (4) Kepimpinan yang sempurna yang mengangkatnya dari kedudukannya; dan (5) Pertolongan yang penuh yang mampu menyekat kelaparannya. Sekiranya hal-hal ini tidak diberikan perhatian yang serius, ia akan membawa kepada masalah gejala sosial dalam kalangan anak yatim dan secara sedikit demi sedikit akan menuju kepada gejala jenayah. Sebenarnya, Islam dengan syariatnya kekal dengan ajaran yang mulia telah memerintahkan kepada penjaga yang mempunyai hubungan kerabat untuk melakukan ihsan dalam bermuamalah dan bertanggungjawab dalam mendidik serta mengasuhnya.

Dari satu sudut, jika dilihat pada situasi isteri-isteri Nabi SAW, maka akan didapati sebahagiannya berada dalam situasi tersebut seperti:

1. Saudah: balu kepada Sakran bin Amr dan mereka mempunyai anak bernama Abdullah. Kedua-duanya telah berhijrah ke Habsyah dah Sakran meninggal di sana. Saudah berusia dan berstatus ibu tunggal dan mempunyai anak ketika dinikahi Nabi SAW.

2. Ummu Salamah, balu yang telah mempunyai anak bernama Zainab daripada suami lamanya, Abu Salamah, ketika dinikahi oleh Nabi SAW.
3. Bahkan Khadijah sendiri, ketika dinikahi oleh Nabi SAW berstatus janda dan mempunyai anak perempuan daripada suami sebelumnya yang kemudian berkahwin dengan Abu al'As bin Wa'il.

Masyarakat awam dilihat belum cakna dengan masalah ini. Ramai penanggung nafkah anak yatim secara wajib yang tidak melakukan tanggungjawabnya justeru melakukan kezaliman kepada keluarga tersebut tanpa disedari. Sebaliknya, pihak ketiga iaitu masyarakat pula yang senantiasa ditekankan untuk membela dan melindungi anak yatim. Lebih menyedihkan ialah apabila ayat 3 daripada Surah al-Nisa' di atas hanya diambil separuhnya hingga diinterpretasi sebagai tiket untuk memuaskan nafsu lelaki; bukan dengan mengambil keseluruhan ayat tersebut yang menjelaskan bahawa ia adalah penawar terbaik daripada pihak ketiga untuk membela anak-anak yatim berkenaan.

### **Rumusan dan Cadangan**

Islam sebagai agama rahmatan li al-'alamin, ternyata telah menawarkan solusi kepada masalah nafkah ibu tunggal dan anak yatim. Tanggungjawab nafkah ibu tunggal terletak di bahu walinya, manakala anak yatim, terletak di pundak waris asabahnya. Namun ketidak caknaan menyebab kecelaruan berlaku dengan hukum agama tidak dipakai, dan kezaliman berleluasa.

Usaha perlu dilakukan agar golongan ini terbela, disamping menunjukkan keindahan dan kesyumulan Islam ini sendiri. Ia memerlukan dua peringkat, ia memberi kesedaran kepada masyarakat, dan seterusnya penguatkuasaan undang-undang yang melindungi hak ibu tunggal dan anak yatim.

Untuk masyarakat umum yang tidak terkait dengan hukum, bantuan boleh dapat bentuk sedekah, tetapi yang lebih lengkap ialah

menjadikan mereka keluarga, yang dengan itu bukan sahaja nafkah lebih terjamin, namun kasih-sayang diperlukan juga dapat diperoleh.

Justeru kertas kerja ini mencadangkan agar:

1. Di dalam khutbah nikah, perkara ini turut disentuh. Ertinya, nasihat tidak semata-mata dituju kepada mempelai, tetapi juga kepada wali, waris dan sekalian kaum kerabat serta sahabat handai yang datang.
2. Sebelum itu, di dalam kursus perkahwinan, perkara yang sama perlu disampaikan bahkan secara lebih terperinci.
3. Dibekalkan juga pamphlet untuk diberi kepada peserta kursus atau hadirin majlis akad nikah, agar ilmu ini lebih terpelihara dan disampaikan kepada yang tidak hadir.
4. Sekali-sekala dijadikan tajuk khutbah Jumaat, selain seminar, kolokium dan sebagainya.
5. Apa yang paling penting, dijadikan akta agar sebagaimana ibu tunggal yang dicerai suami boleh mendapat perintah mahkamah agar si suami tetap membayar nafkah anak-anak, maka si ibu tunggal tersebut juga boleh mendapatkan perintah yang serupa ke atas keluarga lelaki tersebut.
6. Boleh dijadikan peraturan juga untuk wang insuran, KWSP, Amanahraya dan semua agensi terlibat dengan harta warisan agar wang kepada waris tidak dilepas sehingga kepentingan anak yatim dapat dipastikan telah dilindungi.

Semoga usaha menyebarkan kesedaran yang membawa kepada aplikasi perkara ini menurut syarak termasuk dalam sabda Nabi SAW,

«مَنْ دَلَّ عَلَىٰ خَيْرٍ فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِ فَاعِلِهِ» [مسلم، كتاب الإمارة، باب

فضل إعانت الغازى في سبيل الله .بر كوب وغيره، وخلافته في أهله

بخير، حديث 1893، عن أبي مسعود]

Siapa yang menunjuk kepada kebaikan, maka baginya seperti pahala pelakunya. [Muslim: 1893]

**Pengakuan**

Artikel ini dihasilkan di bawah gran penyelidikan tajaan Yayasan Bukhary, ID: SP 18-117-0379, The Local Fiqh Framework in Malaysia: Identifying its Characteristics in Islamic Family Law. Para penulis merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak penaja atas penganugerahan gran tersebut.

**BIBLIOGRAFI**

Abu Daud, Sulaiman bin al-Ash'ath. *Al-Sunan*. Beirut: Maktabah al-Asriyyah, t.t.

Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Riyadh: Dar Alam al-Kutub, 2003.

Amin Don. "6 Bantuan Kerajaan di Malaysia Yang Tidak Diketahui Ramai." CompareHero.my. <https://www.comparehero.my/budgets-tax/articles/bantuan-kerajaan-malaysia> (diakses pada 23 Julai 2018).

Bernama. "JPN Daftar Lebih Setengah Juta Anak Luar Nikah." <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/10/jpn-daftar-lebih-setengah-juta-anak-luar-nikah/> (diakses pada 23 Julai 2018).

Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih min Umur Rasulillah SAW wa Sunanah wa Ayyamih (Sahih al-Bukhari)*. Semakan Muhammad Zuhair bin Nadhir. Beirut: Dar Tuq al-Najah, 2000.

Dewan Bahasa dan Pustaka. [prpm.dbp.gov.my](http://prpm.dbp.gov.my).

Diyana Isahak, Doris Padmini Selvaratnam dan Nor Aini Haji Idris. "Isu dan Cabaran Ibu Tunggal Dalam Menghadapi Perubahan Persekutaran

Global.” Dalam prosiding PERKEM IV, 2009: jilid 1, m.s. 324-336.  
<http://www.ukm.my/fep/perkem>.

Al-Fairuz Abadi. *Al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Percetakan al-Risalah. 2005.

Ibn al-Athir, al-Jazari. *Al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Beirut: Maktabah al-Ilmiyyah. 1979.

Ibn Kathir, Isma'il bin Umar. *Tafsir al-Qur'an al-Adzim*. Beirut: Dar Taibah. 1999.

Ibn Qudamah, al-Maqdisi. *Al-Mughni*. Kaherah: Maktabah al-Kaherah. 1968.

Jabatan Agama Islam Selangor. “Wali Nasab.” JAIS.gov.my.  
<https://www.jais.gov.my/v2/faq.php> (diakses pada 24 Julai 2018).

Jabatan Kebajikan Masyarakat. “Sejarah JKM.” JKM.gov.my.  
<http://www.jkm.gov.my> (diakses 23 Julai 2018).

Al-Jazairi, Abdul Rahman. *Fiqh 4 Mazhab*. Terjemahan Yusuf Sinaga, Abdurrahman Saleh Siregar dan Muhammad Zuhirsyan. Pattani: Bin Halbi Press, 2011.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. “Skim Bantuan Kewangan Bagi Golongan Ibu Tunggal.” KPWKM.gov.my.  
<https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php?r=portal/fullpage&id=W WIWRyt2M0JxZnNsK1JTL1UxYUtXdz09> (diakses pada 23 Julai 2018)

Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait. *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, 2006.

Mohd Ismail Mustari, Robiah Ya'akob, Syarifah @ Noriana Chik Kamarul, Azmi Jasmi dan Ahmad Kilani Mohamed. "Permasalahan Ibu Tunggal Dalam Melaksanakan Tanggungjawab Pendidikan Anak-Anak: Satu Kajian Kawasan Sura, Dungun, Terengganu." *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan* 2004. [https://www.researchgate.net/publication/293097502\\_Permasalahan\\_Ibu\\_Tunggal\\_dalam\\_Melaksanakan\\_Tanggungjawab\\_Pendidikan\\_Anak-anak\\_Satu\\_Kajian\\_Kawasan\\_Sura\\_Dungun\\_Terenggannu](https://www.researchgate.net/publication/293097502_Permasalahan_Ibu_Tunggal_dalam_Melaksanakan_Tanggungjawab_Pendidikan_Anak-anak_Satu_Kajian_Kawasan_Sura_Dungun_Terenggannu) (diakses pada 28 Ogos 2018).

Muslim, ibn Hajjaj. *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasulillah SAW (Sahih Muslim)*. Beirut: Dar Ihya' Turath Arabi, t.t.

Nurhidayah Md Salleh dan Zuliza Mohd Kusrin. "Hak Ibu Tunggal menurut Syarak." *Isu Syariah & Undang-Undang Siri 22*. Dimuat turun pada 25 Julai 2018 dari <http://ukmsyariah.org/terbitan/index.php/isusyariah22/>

Al-Razi, Zainuddin. *Mukhtar al-Sihah*. Beirut: Maktabah al-Asriyyah, 1999.

Rem Ramzi. "Penuhi Tiga Kriteria, Baru Boleh Digelar Ibu Tunggal." Mynewshub.tv. <https://www.mynewshub.tv/hangat/penuhi-3-kriteria-ini-baru-boleh-digelar-ibu-tunggal/> (diakses pada 26 Jun 2017).

Al-Suyuthi, Jalaluddin. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. Semakan Abu al-Fadhl Muhammad bin Ibrahim. Kaherah: al-Hai'ah al-Misriyyah al-Ammah li al-Kitab, 1974.

Al-Tantawi, Muhammad Sayyid. *Tafsir al-Wasit*. Kaherah: Dar Nahdhah Misr, 1997.